

19 AUG 1999

Mahathir-Media

DR MAHATHIR GESA PENUBUHAN MEDIA ASIA

Oleh: Ali Mamat

BEIJING, 19 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa penubuhan media Asia bagi menangkis liputan yang serong dan diputarbelit oleh sesetengah media Barat.

Perdana Menteri berkata kecenderungan untuk membuat liputan acara-acara global yang diputarbelit untuk pembaca Asia dan juga liputan mengenai Asia kepada pembaca di rantau lain di dunia kini menimbulkan kebimbangan utama di kalangan negara-negara Asia Timur.

"Ini menimbulkan percubaan di kalangan sesetengah media Asia untuk membendung amalan ini dengan menyediakan sumber-sumber alternatif bagi liputan dan penyampaian maklumat," kata beliau dalam ucap utamanya pada Forum Malaysia-China Ketiga, di sini.

Dr Mahathir berkata editor akhbar-akhbar berbahasa Inggeris dari Asia Timur telah dua kali bermesyuarat di Kuala Lumpur untuk membincangkan tentang perlunya memaklumkan Asia mengenai Asia yang disampaikan oleh rakyat Asia sendiri.

Walaupun Asia Times yang berpusat di Bangkok berbuat demikian sejak 1995, tetapi malangnya akhbar itu tidak bertahan lama dan ditutup dua tahun kemudian.

"Walaupun usaha oleh negara individu boleh dilakukan tetapi disebabkan keperluan teknologi dan modal, usaha secara bersama antara rantau sudah tentu akan lebih berkesan.

"Dalam hubungan ini, Malaysia dan China boleh bekerjasama dengan negara rantau yang lain bagi penubuhan media Asia. Ini disebabkan penguasaan besar media Barat terhadap liputan mengenai hal ehwal rantau ini dan global sepanjang abad ini," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri juga menyentuh tentang perlunya Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dirombak dan PBB sendiri disusun semula jika badan dunia itu benar-benar hendak mencernimkan sebagai pertubuhan pusat bagi pemupukan keamanan dan kestabilan dunia.

Dalam konteks ini, beliau menggesa China, sebagai satu-satunya anggota tetap dari Asia dalam Majlis Keselamatan supaya bekerjasama dengan Malaysia untuk melaksanakan reformasi badan dunia itu.

Menurut Dr Mahathir, memperluaskan keanggotaan Majlis Keselamatan bagi mewakili kepentingan negara-negara membangun di tengah-tengah senario baru akan membantu mewujudkan orde politik dunia yang lebih adil.

"China dan Malaysia mempunyai hasrat bersama bagi mewujudkan PBB sebagai badan tertinggi bagi menangani perkara-perkara membabitkan masyarakat antarabangsa. Justeru itu, sudah tiba masanya bagi kedua-dua negara secara bersama mengkaji beberapa inisiatif berani untuk pembaharuan di PBB," kata beliau.

Ucapan Dr Mahathir bertajuk "Malaysia and China Relations: Challenges and Opportunities In the 21st Century" juga menyentuh tentang perlunya Forum Serantau Asean (ARF) dipupuk semata-mata bagi memastikan keamanan dan kestabilan yang berkekalan bagi Asia Timur dan Asia Pasifik.

Selain itu, Dr Mahathir berkata, Malaysia dan China juga boleh bekerjasama bagi mewujudkan keamanan di Asia Timur secara keseluruhan berdasarkan Keamanan Asean melalui inisiatif berani membangunkan masyarakat Asia Timur.

Perdana Menteri juga menaruh perhatian bahawa tahun-tahun terakhir pada abad ini menunjukkan bagaimana Asia Timur terdedah kepada percubaan kuasa-kuasa luar untuk mengambil kesempatan daripada kelemahan rantau ini.

"Justeru itu, untuk kepentingan bersama dan Asia Timur yang merangkumi kepentingan yang lebih luas, China dan Malaysia harus menangani cabaran-cabaran itu," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

AM FAZ